

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

1. Senaraikan berapa jumlah pemohon yang masih menunggu mengikut kategori untuk mendapatkan rumah kos rendah (LC), kos sederhana rendah (LMC) dan Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dan berapakah unit rumah yang dijangka siap dalam masa terdekat untuk memenuhi permohonan sedia ada mengikut kategori?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Perumahan (SMP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), sehingga 30 Oktober 2024, jumlah keseluruhan senarai menunggu permohonan Rumah Mampu Milik (RMM) adalah sebanyak **41,463** orang pemohon. Permohonan tersebut merangkumi **7,266** senarai menunggu di bawah tiga (3) tahun yang aktif dan **34,197** permohonan/pendaftaran tidak aktif. Keutamaan bagi senarai menunggu diambil berdasarkan pemohon yang telah mengemas kini data dan maklumat berkaitan dalam tempoh tiga (3) tahun. Perincian statistik senarai menunggu aktif tersebut adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

DAERAH / PEMOHON	RMM A	RMM B	RMM C1	RMM C2	RMM C3
Seberang Perai Tengah	565	239	108	69	331
Seberang Perai Utara	396	359	104	111	360
Seberang Perai Selatan	222	161	55	36	106
Timur Laut	169	418	301	241	1,115
Barat Daya	756	434	146	81	383
JUMLAH	2,108	1,611	714	538	2,295
	7,266				

Jadual 1

Kerajaan Negeri mensasarkan pembekalan sebanyak 220,000 unit RMM menjelang tahun 2030 selaras dengan Visi Penang2030. Sehingga 30 September 2024, jumlah pembekalan unit RMM adalah sebanyak 162,689 unit iaitu bersamaan 73.94%. Perincian mengikut kategori RMM dan status pelaksanaan pembangunan adalah seperti di **Jadual 2** berikut :

Daerah/ Status	Siap Dibina			Pelbagai Peringkat Pembinaan			Dalam Perancangan		
	RMM			RMM			RMM		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
DTL	979	11,817	6,703	550	1,359	6,646	1,628	5,015	12,409
DBD	6,873	1,327	2,761	123	369	3,653	2,855	3,382	22,133
SPU	7,787	1,235	2,958	451	0	3,438	1,202	720	6,990
SPT	4,065	274	2,007	1,703	547	2,180	2,112	4,273	13,891
SPS	1,701	822	371	1,122	0	315	720	3,223	8,000
	51,680			22,456			88,553		
JUMLAH	162,689 UNIT								

Jadual 2

Daripada jumlah ini, sebanyak 22,456 unit RMM sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan dijangka siap menjelang tahun

2028 bagi menampung keperluan dan permintaan RMM di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

2. Adakah pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) merancang untuk menurap semula jalan bermula dari Jalan Telaga Air sehingga ke Jalan Permatang Pauh di persimpangan Jalan Bagan Lalang mengikut keadaan, keperluan dan keutamaan jalan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan dua (2) kerja penyenggaraan jalan di Jalan Permatang Pauh (FT3111). Kerja ini telah disenaraikan dalam senarai Kerja Berkala Pavemen (BP) bagi tahun 2025 dan merupakan keutamaan satu (1) dan dua (2) bagi daerah Seberang Perai Utara. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

3. Adakah pihak Kerajaan Negeri merancang untuk membina satu jambatan baru merentasi Sungai Perai dari Jalan Kikik 7 (Taman Kerapu) ke Titi Timbul untuk menjadi jalan alternatif ke Butterworth bagi membantu meleraikan keadaan sesak di Jambatan Jalan Permatang Pauh terutamanya pada waktu puncak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas yang sesak di Jambatan Jalan Permatang Pauh terutamanya pada waktu puncak. Buat masa ini, Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) tidak mempunyai perancangan untuk membina jambatan baharu merentasi Sungai Perai dari Jalan Kikik 7 (Taman Kerapu) ke Titi Timbul untuk menjadi jalan alternatif ke Butterworth. Walau bagaimanapun, perkara tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya dan kajian keperluan akan dilaksanakan oleh JKRPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

4. Senaraikan jumlah keseluruhan pili bomba di kawasan Butterworth dan berapakah jumlah yang masih berfungsi berbanding yang rosak / tidak berfungsi?
 - (a) Berapakah peruntukan yang diperuntukkan untuk tujuan pembaikan dan penggantian?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Jumlah keseluruhan pili bomba di kawasan Butterworth adalah sebanyak 1,870 unit yang merangkumi sebanyak 1,468 unit pili bomba awam dan 402 unit pili bomba swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,384 unit berfungsi dengan baik, 398 unit memerlukan penyelenggaraan bagi kerosakan kecil dan baki 88 unit lagi memerlukan penyelenggaraan bagi kerosakan besar.

Bagi tahun 2024, peruntukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang diagihkan ke seluruh Daerah Seberang Perai Utara yang melibatkan empat (4) buah balai bomba adalah sebanyak RM14,500.00. Peruntukan ini dianggarkan dapat menampung penyelenggaraan antara enam (6) hingga tujuh (7) unit pili bomba.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

5. Memandangkan Pasukan Bomba Sukarelawan secara amnya sangat aktif membantu dalam kerja menyelamatkan kebakaran, adakah peruntukan disediakan untuk permohonan penggantian komponen utama seperti attacking hose dan delivery hose yang senang rosak apabila diguna pakai dalam kerja menyelamatkan kebakaran untuk tempoh yang lama?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Sehingga kini tiada peruntukan khusus bagi pengganti komponen utama *delivery/ attacking* disediakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Namun, ibu pejabat JBPM ada membuat perolehan pembekalan hos untuk Pasukan Bomba Sukarela (PBS) tapi bilangannya adalah terhad dan bergantung kepada jumlah peruntukan tahunan yang diperolehi dari kerajaan. Jumlah pengagihan hos kepada negeri-negeri pula adalah tertakluk kepada keputusan yang ditetapkan oleh pihak ibu pejabat JBPM.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

6. Adakah pihak berkenaan bercadang untuk menaik taraf parit tanah ke parit monsun konkrit di sebahagian jajaran Jalan Ceri 7 sehingga ke Jalan Ceri 9 untuk melancarkan lagi saluran air dan memudahkan lagi kerja penyelenggaraan parit tersebut pada masa kelak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Buat masa ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai cadangan untuk menaik taraf parit tanah ke parit monsun konkrit di sebahagian jajaran Jalan Ceri 7 sehingga ke Jalan Ceri 9 dalam masa terdekat.

Walau bagaimanapun, MBSP boleh mensyaratkan kepada pemaju yang akan membangunkan kawasan-kawasan berhampiran untuk menaik taraf parit tersebut sekiranya terdapat permohonan baharu yang dikemukakan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

7. Isu kolam tadahan Jalan Ceri 7.
- (a) Apakah status kolam tadahan air ini yang dilihat terbiar sekian lama?
 - (b) Kolam tadahan ini di bawah penyelenggaraan pihak mana?
 - (c) Adakah rancangan untuk memulihkan kolam tadahan ini supaya berfungsi semula seperti biasa?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Status kolam tadahan Jalan Ceri 7 adalah merupakan kolam tadahan air yang masih berfungsi bagi menampung lebihan air hujan dan mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitar, terutamanya semasa musim hujan.
- (b) Penyelenggaraan kolam tadahan Jalan Ceri 7 ini adalah di bawah tanggungjawab pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
- (c) MBSP sentiasa komited dan mempunyai perancangan untuk memastikan kolam takungan banjir sentiasa dapat berfungsi dengan baik melalui kerja-kerja naik taraf dan kerja-kerja pembersihan secara berkala. Berdasarkan perancangan semasa, kawasan pagar di sekeliling kolam tersebut akan dinaik taraf oleh MBSP pada tahun 2025. Berdasarkan rekod, kerja-kerja pembersihan kali terakhir telah dilaksanakan pada 26

September 2024 dan pusingan pembersihan seterusnya akan dilaksanakan pada 28 November 2024.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

8. Adakah agensi berkenaan merancang untuk menempatkan sistem amaran angin / air di lokasi-lokasi strategik di sungai-sungai utama dan persisiran pantai untuk tujuan memberi isyarat amaran supaya agensi-agensi barisan hadapan boleh mengambil langkah kesiapsiagaan untuk menghadapi bencana alam secara efisien terutamanya pada musim hujan lebat dan angin yang kencang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jabatan Meteorologi Malaysia Pulau Pinang (MET Malaysia) Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah membuat pelbagai usaha dalam meningkatkan perkongsian maklumat berhubung angin dan hujan lebat. Antaranya:-
- (a) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang tahun sentiasa memantau situasi cuaca negara dan akan mengeluarkan maklumat dan amaran sekiranya hujan lebat berterusan dijangka berlaku. Amaran cuaca (Waspada) akan dikeluarkan dalam tempoh satu hingga tiga hari sebelum kejadian bagi kerja-kerja kesiapsiagaan semasa musim tengkujuh. Amaran cuaca akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan dinaiktaraf ke peringkat buruk atau bahaya jika tanda-tanda menunjukkan hujan akan menjadi semakin lebat. Pejabat Meteorologi Pulau Pinang pula bertanggungjawab untuk menyebarkan nasihat/amaran cuaca buruk, amaran angin kencang, laut bergelora dan siklon tropika kepada agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat negeri dan daerah.

- (b) MET Malaysia tidak mempunyai sistem amaran angin di lokasi-lokasi strategik di sungai-sungai utama dan persisiran pantai untuk tujuan memberi isyarat amaran angin kencang. Walau bagaimanapun, dalam usaha memantau keadaan cuaca dengan lebih terperinci pada masa sebenar, MET Malaysia telah menaik taraf 60 Stesen Pencerapan Permukaan kepada Stesen Cuaca Automatik dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2022. MET Malaysia juga kini sedang menaik taraf 100 buah stesen pencerapan permukaan automatik melalui projek pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan dijangka boleh berfungsi sepenuhnya pada hujung tahun 2024. Terdapat dua (2) buah stesen meteorologi utama dan empat (4) buah stesen auksiliari yang berperanan mencerap dan memantau cuaca dengan lebih terperinci di seluruh Pulau Pinang iaitu di Bayan Lepas, Butterworth, MARDI Bertam, Perai, Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya dan Kebun Bunga.
- (c) Pulau Pinang mempunyai sebuah radar *Wind Shear Detection System* (WSDS) yang mampu mengesan pergerakan awan hujan. Di samping itu, stesen radar cuaca yang terletak di Alor Setar, Kedah dan Kuala Gula, Perak juga mampu mengesan pergerakan awan hujan di Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, MET Malaysia juga menerima imej satelit daripada tiga buah satelit iaitu FengYun (China) bagi setiap 15 minit, Himawari (Jepun) dan GEO-KOMPSAT-2 (Korea Selatan) bagi setiap 10 minit untuk memantau keadaan cuaca dengan lebih meluas. Dalam usaha menambah baik sistem ramalan cuaca negara, beberapa langkah telah dan sedang dibuat oleh MET Malaysia. Di antaranya ialah menambahbaik sistem Radar Integrated Nowcasting System (RaINS) bagi menghasilkan unjuran pergerakan dan intensiti hujan setiap 10 minit sehingga tiga (3) jam ke hadapan. Paparan RaINS ini boleh dimuatnaik melalui aplikasi mobil myCuaca secara percuma.
- (d) MET Malaysia sedang meningkatkan keupayaan model cuaca dengan mengadaptasi teknologi Sistem Komputer Berprestasi Tinggi (High Performance Computing (HPC)). Produk-produk model ramalan cuaca numerikal yang dijanakan oleh Sistem HPC baharu ini membolehkan Jabatan menjangkakan risiko bencana cuaca 14 hari lebih awal berbanding hanya tujuh hari pada ketika ini. Ia juga akan membekalkan perincian bagi kawasan dilanda bencana dengan resolusi yang lebih tinggi

iaitu 300 meter berbanding 1 kilometer sebelum ini.

- (e) Seiring dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan sistem penyampaian, MET Malaysia telah membangunkan aplikasi mobil myCuaca yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang ramai. MET Malaysia juga turut membangunkan aplikasi mobil RakanMET iaitu medium perkongsian maklumat cuaca setempat di kalangan orang awam. Selain itu, Jabatan juga menyampaikan ramalan dan amaran cuaca ini menggunakan pelbagai medium seperti media sosial (Facebook, Twitter, Instagram dan You Tube), laman sesawang Jabatan dan media massa (televisyen dan radio).
- (f) MET Malaysia akan menambahbaik Prosedur Tetap Operasi (PTO) berkaitan penyediaan dan penyebaran maklumat, nasihat dan amaran cuaca supaya ia dikeluarkan dengan lebih kerap apabila cuaca dijangka menjadi lebih buruk. Dengan penambahbaikan berterusan yang dilakukan terhadap sistem ramalan cuaca negara, ia dijangka dapat menghasilkan ramalan yang lebih tepat dan seterusnya dapat membantu pihak agensi pengurusan bencana untuk bertindak lebih awal dalam memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui JPS juga telah memasang sebanyak 55 buah stesen siren dan amaran banjir di seluruh Pulau Pinang bagi memberi amaran awal terhadap kejadian banjir kilat di kawasan hotspot dan risiko banjir. Siren ini akan berbunyi mengikut aras air dalam sungai dengan kategori waspada dan bahaya dengan jarak dengar 500 meter hingga 1000 meter.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

9. Adakah pihak Kerajaan Negeri merancang untuk memperluaskan liputan perkhidmatan Rapid Mobiliti di seluruh kawasan Seberang Perai yang sudah pasti akan memanfaatkan golongan kurang kemampuan untuk sampai ke destinasi utama seperti klinik, hospital, jabatan kerajaan dan lain-lain tempat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira keperluan penduduk setempat dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan van *mobility* dalam usaha untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada golongan yang memerlukan terutama di kawasan luar bandar. Oleh itu, dengan kerjasama Prasarana Malaysia Berhad telah mengambil langkah awal dengan menggantikan dua (2) unit van *mobility* lama kepada baru pada Julai 2024.

Bagi fasa seterusnya, Prasarana merancang untuk menambah bilangan van *mobility* di kawasan pulau terlebih dahulu memandangkan perkhidmatan yang memberangsangkan dan slot penempahan yang sentiasa penuh. Sebanyak dua (2) buah van tambahan dijadualkan akan diterima pada suku ketiga tahun 2025.

Selain daripada itu, bagi memperluaskan liputan perkhidmatan Rapid Mobiliti di kawasan Seberang Perai, pihak Prasarana merancang untuk menambah bilangan van secara berperingkat dan dijangka bermula suku ketiga tahun 2025 dengan tumpuan awal kepada kawasan yang memerlukan. Ini akan memberi manfaat kepada golongan kurang berkemampuan, serta memastikan kelancaran dan keberkesanan perkhidmatan pengangkutan awam bagi memastikan

pengguna mendapat akses yang lebih mudah ke destinasi utama seperti klinik, hospital dan jabatan kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

10. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meluaskan dan meningkatkan tahap pembelajaran Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan sekolah rendah dan menengah?
- (a) Adakah terdapat pelan strategik untuk melatih guru-guru, penyediaan infrastruktur untuk diperlukan dan integrasikan kokurikulum AI dalam sukatan pelajaran murid?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam meluaskan dan meningkatkan tahap pembelajaran Kecerdasan Buatan (AI) adalah melalui Dasar Pendidikan Digital (DPD). Aktiviti-aktiviti DPD adalah seperti berikut:
- (i) Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Jurulatih Utama Negeri dan daerah bagi penggunaan *AI Tools* dalam Portal *Digital Educational Learning Initiative* Malaysia (DELIMa) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- (ii) Hasil bengkel ini, semua jurulatih utama negeri dan daerah akan melaksanakan penataran penggunaan *AI Tools Digital Educational Learning Initiative* Malaysia (DELIMa) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di peringkat sekolah rendah dan menengah melibatkan guru dan murid;

- (iii) SSTP juga bekerjasama dengan *Penang Science Cluster* bagi satu program yang dinamakan *Experience AI*. Program ini telah diadakan pada pertengahan Mei 2024 dengan penglibatan hampir 254 guru sekolah menengah di Pulau Pinang;
- (iv) Majlis MoU dan pelancaran *AI for School (AI4S)* di SMK Batu Maung antara *Tech Dome Penang* dengan organisasi Kapten 88 turut dilaksana bagi memperkasakan bidang AI di peringkat sekolah;
- (v) Dalam pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), banyak *tools* AI yang guru dan murid pelajari seperti *Microsoft Learn, Gemini AI, Perplexity AI* dan lain-lain; dan
- (vi) Mengadakan *Program Generative AI* dengan objektif membantu menjadikan proses pembelajaran pelajar lebih interaktif, pengenalan kepada Aplikasi AI dan kelebihan AI kepada para pelajar, memahami asas *Machine Learning* dan melatih pelajar menggunakan AI sebagai alat bantu pembelajaran bagi menjadikan proses pembelajaran lebih efisien.
- (a) Antara Pelan strategi yang disediakan untuk melatih guru dalam meningkatkan kemahiran AI dalam pembelajaran adalah seperti berikut:
 - (i) Latihan Guru Sekolah Sebagai Jurulatih Utama (JU) iaitu SSTP telah melaksanakan bengkel kerja pemantapan JU AI di peringkat negeri dan daerah sepanjang bulan Mei hingga Julai 2024. Seramai 37 orang JU AI telah dilantik diperingkat negeri dan daerah untuk membantu guru-guru lain dalam peningkatan kemahiran AI terutama pelantar pembelajaran DELIMa. Di samping itu, SSTP bekerjasama dengan *Penang Science Cluster* melaksanakan Bengkel *Exprience AI* kepada 252 guru sekolah menengah di Pulau Pinang dan SSTP dalam fasa akhir untuk melancarkan Modul AI bagi kegunaan guru sekolah di Pulau Pinang agar memastikan semua guru dapat mengintegrasikan AI dalam PdP;

- (ii) Aplikasi AI dalam Pelantar Pembelajaran DELIMa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diterajui oleh Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP) telah mewujudkan aplikasi AI dalam pelantar pembelajaran DELIMa untuk guru meneroka dan mengaplikasi kemahiran AI dalam pengurusan harian di kelas mahupun di sekolah. Pelaksanaan Program Pemerksaan Pendidikan Digital Murid oleh pihak BSTP telah menggalakkan pelajar meneroka konsep AI dan aplikasi praktikalnya dengan bimbingan guru di sekolah; dan
- (iii) Kerjasama dengan Industri, SSTP telah menjalin kerjasama dengan beberapa rakan strategik seperti PSC, Tech Dome, Mesvers, Universiti Sains Malaysia (USM) yang berkaitan dengan AI untuk mendapatkan sokongan dari segi modul pengajaran, latihan, dan peluang pembelajaran melalui pembelajaran berasaskan projek.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

11. Memandangkan persimpangan Jalan Cantik (bersebelahan Petronas Jalan Permatang Pauh) menjadi akses penting bagi penduduk Taman Cantik dan Pusat Perniagaan Aroma, adakah pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merancang untuk melebarkan persimpangan ini setelah paip utiliti Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah diubah untuk memberi laluan kepada penaiktarafan ini yang telah sekian lama diminta oleh penduduk kawasan tersebut)?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mempunyai perancangan untuk melebarkan persimpangan Jalan Cantik yang merupakan akses penting bagi penduduk Taman Cantik dan Pusat Perniagaan Aroma.

Perancangan ini bertujuan untuk memastikan aliran trafik yang lebih lancar dan memudahkan pergerakan penduduk serta pengunjung ke pusat perniagaan tersebut setelah paip utiliti selesai diubah oleh pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Perincian perancangan pihak MBSP untuk melebarkan persimpangan Jalan Cantik adalah seperti berikut:

- (a) Tahun 2025
- (i) Melantik perunding;
 - (ii) Menyediakan pelan reka bentuk; dan

(iii) Memohon peruntukan.

(b) Tahun 2026

(i) Pelaksanaan projek pelebaran persimpangan Jalan Cantik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

12. Isu biasiswa atau pinjaman oleh iBITA atau MITRA yang dibuka dalam tempoh tertentu menyebabkan pelajar-pelajar yang mendapat tawaran di luar tempoh permohonan tidak dapat memohon. Adakah pihak berkenaan mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh bagi memberi peluang golongan pelajar-pelajar tersebut untuk memohon pinjaman atau biasiswa?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sistem Permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA) dibangunkan bagi memberi kemudahan permohonan dan semakan status permohonan secara atas talian kepada pengguna awam terutamanya pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Permohonan bantuan ini dibuka pada 1 hingga 31 Julai 2024 bagi tahun 2024 dan pemohon bagi Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa adalah layak untuk memohon pada tempoh masa yang ditetapkan. Pemohon yang menerima surat tawaran bermula dari bulan Januari hingga Julai boleh mengisi permohonan secara atas talian (*online*) pada sesi **JULAI** mengikut tahun semasa. Bagi pemohon yang menerima surat tawaran pada bulan Ogos hingga Disember pula perlu membuat permohonan secara atas talian (*online*) pada sesi **JULAI** tahun berikutnya.

Berikut merupakan sesi permohonan bagi tempoh tahun-tahun berikut:

Tahun	Tarikh Sesi Permohonan
2017	1-30 Jun 2017 1-3 September 2017
2018	1-30 Jun 2018 1-3 September 2018
2019	1-30 Jun 2019 1-3 September 2019
2020	1-31 Ogos 2020 (covid-19)
2021	1-30 Ogos 2021 (covid-19)
2022	1-30 Jun 2022 1-30 September 2022
2023	1-30 Jun 2023 1-30 September 2023
2024	1-31 Julai 2024 (MMK Bil. 11/2024)

Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi tahun semasa adalah :-

- (a) proses rayuan akan dikemukakan oleh PDT kepada BKP untuk pertimbangan YAB Ketua Menteri.
- (b) Pemohon yang menerima surat tawaran bermula bulan Januari hingga Julai boleh mengisi permohonan online pada sesi Julai tahun semasa. Pemohon yang menerima surat tawaran pada Ogos hingga Disember buat permohonan *online* pada sesi Julai tahun berikutnya.
- (c) Pemohon berstatus anak yatim atau tinggal bersama penjaga wajib mengemukakan akuan bersumpah/ sijil kematian/ sijil cerai/ sijil anak angkat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

13. Memandangkan faktor iklim yang tidak menentu dan bencana alam sering berlaku kebelakangan ini, adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan supaya liputan Tabung Bencana turut diperluaskan untuk membantu golongan yang memerlukan seperti skim berstrata kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) yang menghadapi kekangan kewangan untuk kerja pembaikan bumbung apabila berlakunya bencana?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Kerajaan Negeri melalui Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang (sebelum ini dikenali sebagai Tabung TYT Negeri Pulau Pinang) hanya memberikan bantuan wang ehsan kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana tidak termasuk kenderaan, bangunan komersial dan rumah ibadat. Setakat ini tiada dasar bagi pemberian Tabung Bencana kepada golongan skim berstrata kos rendah dan sederhana rendah mengikut Kumpulan Wang Amanah Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

14. Seperti diketahui umum, peruntukan Malaysian Road Record Information System (MARRIS) hanya boleh digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan di Jalan Negeri dan Jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Oleh itu, tiada peruntukan penyelenggaraan spesifik untuk pokok-pokok yang berada di Jalan Persekutuan. Apakah jenis peruntukan yang disediakan bagi pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan untuk tujuan penyelenggaraan pokok di Jalan Persekutuan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Garis Panduan Penetapan Tanggungjawab Penyelenggaraan Pokok dan Landskap oleh jabatan dan agensi di Pulau Pinang yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019 telah menetapkan bahawa penyelenggaraan pokok-pokok di Jalan Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

15. Apakah status terkini Projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kechil yang telah diperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk pelaksanaan sebelum ini pada tahun 2021?
- (a) Bilakah secara khususnya projek ini boleh dilaksanakan untuk meminimumkan isu banjir kilat di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Projek Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kechil (Fasa Dua) telah melalui pindaan reka bentuk oleh perunding dengan mengambil kira cadangan pembinaan rumah pam. Pindaan reka bentuk tersebut kini sedang menunggu kelulusan dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
- (a) Projek ini dijangka akan dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

16. Apakah status pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Fasa 2 Taman Bunga Raya yang telah dirancang pada tahun 2024 yang turut melibatkan kerja-kerja penaiktarafan sistem perparitan di Taman Sin Tatt dan Taman Melur?
- (a) Bilakah penaiktarafan sistem perparitan di Taman Sin Tatt dan Taman Melur akan dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya (Fasa 2) telah melalui pindaan reka bentuk oleh perunding dengan mengambil kira cadangan pembinaan rumah pam. Pindaan reka bentuk tersebut kini sedang menunggu kelulusan dari pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
- (a) Projek ini dijangka akan dilaksanakan bermula pada bulan Mac 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

17. Mengenai kecurian kabel Telekom Malaysia (TM), difahamkan usaha telah diambil untuk mengeluarkan kabel dari manhole yang tidak berfungsi dan menandakan penutup manhole tersebut dengan status "tiada kabel" sebagai langkah mengurangkan cubaan untuk membuka penutup manhole tersebut. Berapakah manhole kabel yang tidak berfungsi yang telah dikosongkan kabel dan ditandakan dengan petanda "tiada kabel"?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Telekom Malaysia (TM), sentiasa berusaha dalam memastikan kualiti perkhidmatan dan sentiasa memastikan keselamatan kabel TM terjaga. Bagi tujuan tersebut, TM telah mengambil beberapa langkah seperti bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari unit Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM serta Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Selain itu, TM turut bekerjasama dengan komuniti dan penduduk setempat untuk memberikan maklumat kepada PDRM sekiranya melihat aktiviti mencurigakan yang dilakukan ke atas aset TM. Rondaan malam turut dilaksanakan oleh Polis Bantuan TM dan vendor yang dilantik oleh TM sebagai salah satu langkah pencegahan kecurian kabel.

Selain daripada itu, antara langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak TM adalah membuat pemasangan penutup kedua (*second cover*), pengedapan (*sealing*), lurang (*manhole*) konkrit dan pelbagai inisiatif lagi dalam usaha membanteras kejadian kecurian daripada berlaku.

Sehingga bulan Oktober 2024, kebanyakan kabel besar yang tidak lagi digunakan telah dialihkan dari *manhole*. Kabel-kabel kecil ke kawasan perumahan dan kampung masih dalam proses untuk dialihkan dan perancangan pengalihan kabel ini akan diteruskan pada tahun hadapan. Data terperinci bagi jumlah *manhole* yang telah dialihkan kabel dan ditanda 'tiada kabel' belum dapat diberikan memandangkan proses pengalihan kabel masih lagi berjalan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

18. Apakah status terkini Projek Tebatan Banjir di Taman Kerapu yang dijadualkan bermula pada Februari 2025?
- (a) Nyatakan berapakah anggaran kos keseluruhan projek, tempoh pelaksanaan projek ini dan tarikh projek ini dijangka bermula.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Projek Tebatan Banjir di Taman Kerapu yang dijadualkan bermula pada bulan Februari 2025 kini sedang dalam proses penyediaan pelan konsep reka bentuk.
- (a) Anggaran kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM6.0 juta dengan tempoh pelaksanaan projek selama 18 bulan. Projek ini dijangka bermula sekitar penghujung Februari 2025. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pilihan reka bentuk yang akan ditentukan kelak dan kelulusan peruntukan yang akan diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

19. Mengenai parit perimeter di Taman Bunga Tanjung yang sudah tidak dapat menampung kapasiti hujan masa kini, adakah rancangan daripada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menaik taraf parit perimeter utama yang dikenal pasti di kawasan perumahan tersebut serta bilakah penaiktarafan ini boleh dilaksanakan jika ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil maklum berhubung isu parit perimeter di Taman Bunga Tanjung yang kini tidak dapat menampung kapasiti hujan semasa dan menyebabkan berlakunya masalah air bergenang.

Dalam usaha untuk menangani isu ini, pihak MBSP mempunyai perancangan untuk menaik taraf parit tersebut. Pihak MBSP telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pengukuran asas di taman tersebut kepada MMK Tebatan Banjir pada 14 Oktober 2024 tetapi permohonan peruntukan tersebut telah ditangguhkan kerana memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kritikal.

Berikutannya, pihak MBSP bercadang untuk memohon semula peruntukan tersebut dalam Mesyuarat MMK Tebatan Banjir yang dijadualkan awal tahun 2025 kelak. Sehubungan dengan itu, penaiktarafan parit perimeter di Taman Bunga Tanjung akan dilaksanakan setelah permohonan peruntukan tersebut diluluskan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

20. Terdapat satu *flap gate* dan kolam air tadahan bersebelahan dengan Tanah Perkuburan Islam Bagan Jermal. Mohon pengesahan kawasan ini di bawah selenggaraan agensi mana dan jadual penyelenggaraan bagi kawasan ini.
- (a) Apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk melancarkan lagi saliran air dari Jalan Pintas Berani 5 sehingga ke *outlet* ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. *Flap Gate* yang terletak di penghujung Parit Monsun Tertutup Tingkat Berani bersebelahan dengan Tanah Perkuburan Islam Bagan Jermal adalah di bawah penyelenggaraan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Walau bagaimanapun, kolam air tadahan seperti yang dinyatakan sebenarnya merupakan parit monsun yang telah dilebarkan bertujuan untuk penambahan kapasiti takungan air di kawasan terbabit. Parit monsun terbabit juga adalah di bawah penyelenggaraan pihak MBSP. Jadual pembersihan sampah terapung di *Flap Gate* adalah sebanyak tiga (3) kali seminggu manakala pembersihan kolam air tadahan adalah sebanyak dua (2) bulan sekali.
- (a) Penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk melancarkan lagi saliran air dari Jalan Pintas Berani 5 sehingga ke *outlet* ini adalah seperti berikut:
- (i) Meningkatkan kekerapan pembersihan sepanjang parit monsun;

- (ii) Mengkaji semula kapasiti saluran sedia ada bagi memastikan sistem perparitan dapat beroperasi pada tahap maksimum;
- (iii) Mempergiatkan kempen kesedaran dan pendidikan menjaga alam sekitar untuk memastikan sampah sarap tidak dibuang ke dalam sistem perparitan; dan
- (iv) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan semula Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai 1 Julai 2024 di Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

21. Senaraikan bilangan kes pesakit-pesakit terdampar di seluruh Pulau Pinang mengikut hospital-hospital utama.
- (a) Senaraikan pusat penjagaan yang menerima kes pesakit-pesakit terdampar yang telah dirujuk masuk ke dalam pusat penjagaan tersebut oleh pihak hospital.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Bilangan data kes pesakit-pesakit terdampar di seluruh Pulau Pinang mengikut hospital bermula tahun 2022 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL	HOSPITAL	BIL. PESAKIT
1	Hospital Pulau Pinang	9
2	Hospital Seberang Jaya	1
3	Hospital Bukit Mertajam	1
4	Hospital Kepala Batas	0
5	Hospital Sungai Bakap	2
6	Hospital Balik Pulau	3
	Jumlah	16

- (a) Pihak hospital akan merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pengurusan penempatan pesakit terdampar. Antara pusat jagaan yang pernah menerima pesakit terdampar adalah seperti berikut:

- (i) Peace and Harmony Home, Bukit Dumbar, Jelutong, Pulau Pinang;
- (ii) Pusat Jagaan Damai Permai, Bertam, Pulau Pinang;
- (iii) Pusat Jagaan Al Ihsan, Kulim, Kedah; dan
- (iv) Pusat Jagaan Warga Emas Al-Ikhlas, Kamunting, Perak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

22. Senaraikan berapa zon industri yang wujud di DUN Bagan Jermal mengikut status pegangan pajakan (leasehold) dan pegangan bebas (freehold).
- (a) Adakah apa-apa perancangan pembaharuan untuk kawasan-kawasan industri tersebut yang merupakan kawasan perindustrian terawal di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Zon industri yang wujud di DUN Bagan Jermal ialah Kawasan Perindustrian Mak Mandin, Taman Industri Ringan Mak Mandin, Taman Industri Dahlia dan Taman Perindustrian Cantik. Mengikut rekod Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang, tanah yang didaftarkan di bawah kategori perusahaan/perindustrian di DUN Bagan Jermal adalah seperti berikut:

PAJAKAN SELAMA-LAMANYA				
LOKASI	BILANGAN HAKMILIK	KELUASAN (HEKTAR)	BILANGAN HAKMILIK	KELUASAN (HEKTAR)
Butterworth	308	194	73	6.9
Mukim 16	3	0.5	325	60.7
JUMLAH	311	194.5	398	67.6

- (a) Perancangan pembaharuan untuk kawasan-kawasan industri tersebut yang merupakan kawasan perindustrian terawal di Pulau Pinang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Merujuk Draf Kajian Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030 (KPIPPNPP 2030), kawasan perindustrian di Dun Bagan Jermal adalah kawasan Perindustrian Mak Mandin yang merupakan kawasan Taman Perindustrian Utama (TPU) dan 1 Taman Perindustrian Kecil iaitu Kawasan Perindustrian Sungai Lokan. Taman Perindustrian Utama merupakan taman perindustrian induk

serta mengandungi taman perindustrian kecil lain yang berkeluasan **105.86 hektar**.

Kluster kawasan Mak Mandin dikategorikan sebagai kluster Brownfield. Kluster Brownfield perlu pembangunan semula kawasan industri ini kerana berpotensi menimbulkan isu pencemaran alam sekitar (*environmental contamination*) yang memerlukan pembersihan tapak di atasnya.

Terdapat 3 inisiatif awal dicadangkan kepada kawasan Perindustrian Mak Mandin iaitu:

- (i) Memperkasakan pembangunan fizikal Negeri Pulau Pinang dengan mempertingkatkan kualiti Taman Perindustrian di kawasan Brownfield dan Greyfield;
- (ii) Memperkasakan rangkaian dan perhubungan strategik dengan memperkenalkan laluan bas perantara antara stesyen LRT yang dihubungkan dan membina jalanraya utama yang baharu serta Projek Laluan Ketiga (Terowong Laut); dan
- (iii) Mempertingkatkan Suntikan Pembangunan Modal Insan dengan memperkenalkan Kemahiran dan Keupayaan Guna Tenaga Kerja Global.

Perancangan pembaharuan ini disasarkan sehingga tahun 2030 dengan penglibatan agensi pelaksana dan agensi sokongan untuk kawasan Perindustrian Mak Mandin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

23. Memandangkan Kawasan Perindustrian Mak Mandin adalah merupakan satu kawasan perindustrian terawal di Pulau Pinang, adakah pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) merancang untuk menaik taraf parit perimeter di seluruh Kawasan Perindustrian Mak Mandin yang tidak lagi dapat menampung kapasiti hujan masa kini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Parit yang terletak di tepi jalan Kawasan Perindustrian Mak Mandin adalah berfungsi untuk menerima dan mengalirkan air larian hujan dari permukaan jalan. Kerja-kerja menaik taraf parit perimeter akan dipertimbangkan apabila terdapat kerja-kerja pelebaran jalan di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

24. Mohon semak status terkini tanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Ampang Jajar.
- (a) Berapakah RIBI yang telah mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dan yang telah memulakan kerja pembinaan setelah memperolehi kelulusan?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. (a) Tanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Ampang Jajar adalah tanah milikan Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI). Secara keseluruhan 31 plot tanah telah ditawarkan kepada persatuan keagamaan pelbagai agama selain agama Islam. Status penawaran sehingga kini adalah seperti berikut:-
- (i) Proses permohonan Pelan Bangunan – 6;
 - (ii) Proses menandatangani Perjanjian – 22;
 - (iii) Proses pembinaan di tapak – 2; dan
 - (iv) Penawaran dibatalkan – 1 (tanah yang dibatalkan akan digunakan sebagai tempat letak kereta berpusat).

Kerajaan Negeri telah mengecualikan Permohonan Kebenaran Merancang bagi tanah RIBI Ampang Jajar, pihak persatuan hanya perlu mengemukakan Pelan Bangunan untuk kelulusan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Sebanyak dua (2) permohonan telah diluluskan dan dalam peringkat memulakan kerja-kerja pembinaan di atas tapak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(X)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

25. Mengenai Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bagan, apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah banjir kilat yang masih berlaku disebabkan faktor perubahan iklim yang menyebabkan cuaca tidak menentu?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri melalui JPSPK kini sedang melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi RTB di kawasan lembangan Sungai Nyiur yang merangkumi sebahagian dari kawasan Bagan. Kajian ini kini berada pada peringkat laporan reka bentuk interim.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga melaksanakan kawalan terhadap pembangunan baharu di kawasan tersebut. Sebarang pembangunan baharu akan disyaratkan untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) serta Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut.

Sebagai tambahan, JPSPK turut mewajibkan supaya semua pembangunan baharu untuk mematuhi beberapa garis panduan yang diguna pakai oleh pihak jabatan. Antaranya adalah Garis Panduan JPS: Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan Pelan Kawalan Hakisan Tanah Dan Sedimentasi (*ESCP*), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai dan sebagainya termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui pekeliling-pekeliling JPS.